

### DS 3.4: Penyediaan Kemudahan Keagamaan

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Tempat Ibadat merupakan aspek yang penting bagi memberikan kemudahan kepada setiap penganut agama masing-masing.
- Penyediaan Pusat Ibadat ini akan berfokuskan kepada majoriti penduduk sesuatu kampung dengan bilangan penduduk mengikut agama untuk menampung keperluan bagi kemudahan keagamaan.

##### Komponen Cadangan:

- Menyediakan Tempat Ibadat bagi masyarakat desa yang beragama Islam seperti Surau dan Masjid
- Menyediakan Tempat Ibadat bagi masyarakat desa yang bukan beragama Islam seperti Kuil, Tokong, Gereja dan lain-lain lagi.
- Menyediakan elemen sokongan yang perlu ditambah baik adalah:
  - Tandas
  - Tempat Letak Kereta/Motor
  - Kemudahan OKU
  - Dewan/Bilik Kuliah
  - Stor
- Penyediaan dan Menaik Taraf Kemudahan Tanah Perkuburan di Johor Tengah

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Program gotong-royong masyarakat desa untuk membersihkan kawasan Tempat Beribadat.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan masyarakat desa.



Foto: Masjid Jamek Parit Jayos, Kluang

#### CADANGAN LOKASI

(Sila rujuk Jadual 6.33 hingga 6.34)

#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah</li> <li>• BPEJN</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Kadi Daerah</li> <li>• Majlis Agama Islam Johor</li> <li>• JPKK</li> <li>• PBT</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

Kos Menaik Taraf Kemudahan Keagamaan  
= RM 60,000 (per cadangan)

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 300,000**




Foto: Masjid Jamek Nurul Iman, Batu Pahat

**a) Cadangan Menaik Taraf Masjid dan Surau**

Jadual 5.28: Cadangan Menaik Taraf Masjid dan Surau di Daerah Batu Pahat

Batu Pahat		
Nama Kampung	Mukim	Kemudahan Keagamaan
Kg. Parit Hj. Ahmad	Sri Medan	Naik taraf Surau
Kg. Gambut	Bagan	Naik taraf Surau

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2 : Johor Tengah), 2020



Foto: Surau Al-Hidayah Di Kampung Parit Hj Ahmad

Jadual 5.29: Cadangan Menaik Taraf Masjid dan Surau di Daerah Kluang

Kluang		
Nama Kampung	Mukim	Kemudahan Keagamaan
Kg. Jaya Sepakat	Layang-Layang	Naik taraf Masjid
Kg Parit Ghani	Machap	Naik taraf Masjid

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2 : Johor Tengah), 2020

Cadangan Menaik Taraf Surau ini adalah disebabkan keadaan fizikal surau yang telah uzur dan sering dilanda banjir kilat kerana lokasi kawasan Surau yang bersebelahan dengan parit dan terletak di kawasan yang rendah.

Cadangan Menaik Taraf Kemudahan Keagamaan ini diperoleh hasil daripada kajian lapangan, *Focus Group Discussion (FGD)* serta maklumat daripada Penghulu Kampung setiap Mukim bagi tujuan penambahbaikan kemudahan yang sedia ada.